

PELAJAR PERLU BIJAK PILIH KURSUS DI IPT

SETELAH menerima slip peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), para pelajar sekarang ini tentunya sibuk memilih kursus di institusi pengajian tinggi (IPT) bagi melanjutkan pelajaran masing-masing.

Malah bagi kebanyakan pelajar cemerlang, mereka bukan sahaja sibuk memilih kursus, tetapi juga sibuk memilih pusat pengajian, sama ada di dalam atau di luar negara.

Terdapat juga pelajar cemerlang yang sudah mempunyai pilihan kursus dan pusat pengajian. Bagi pelajar yang keluarganya mempunyai sumber kewangan yang kukuh, sudah tentu IPT popular luar negara yang menjadi pilihan.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa rep-

utasi tinggi IPT luar negara masih gah bagi kebanyakan pelajar cemerlang di negara kita. Ia bukan sahaja mempunyai kelebihan dalam aspek pengajaran dan pembelajaran, tetapi mempunyai pasaran kerja yang begitu luas.

Bagaimanapun, apa yang penting sekarang ini ialah para pelajar mesti bijak dalam membuat pilihan kursus yang akan diikuti kelak.

Sama ada IPT dalam negara atau di luar negara bukanlah persoalannya, tetapi biarlah ia menepati cita rasa dan kelayakan pelajar berkenaan.

Sudah pasti, pemilihan kursus nanti adalah mengambil kira pandangan pihak keluarga atau rakan-rakan, tetapi apa yang penting

Wawancara Pengarang

Utusan Sarawak

ialah pelajar itu sendiri mesti membuat pilihan yang tepat, sesuai dengan keupayaan diri.

Bagi para ibu bapa pula, usahlah terlalu mendesak anak-anak mereka terhadap sesuatu kursus sedangkan ia langsung tidak menarik minat anak-anak mereka.

Bagaimana pula dengan pelajar yang gagal mencapai keputusan cemerlang? Sudah tentu

pilihan mereka ke IPT adalah terhad. Malah bagi kebanyakan kes, majoriti pelajar yang mencapai keputusan sederhana gagal mendapat tempat di IPT ekoran persaingan sengit.

Namun, ia tidak seharusnya mengecewakan pelajar berkenaan kerana mereka masih mempunyai alternatif lain. Misalnya memohon ke IPT swasta, atau institusi yang menawarkan pakej khas yang sesuai dengan kelayakan.

Malah adalah tidak salah sama sekali jika pelajar berkenaan mengambil semula peperiksaan STPM, sebagai usaha untuk memperbaiki keputusan. Mengambil kira usia sekarang ini, masih terlalu banyak ruang bagi pelajar yang gagal atau hanya mendapat keputusan seder-

hana untuk memperbaiki diri.

Sekarang ini, terlalu banyak peluang pendidikan yang disediakan oleh pihak kerajaan. Institusi pengajian berada di sana sini... seperti ecndeawan tumbuh selepas hujan.

Tetapi apa yang penting ialah pelajar perlu bijak dalam membuat pilihan, kerana ia melibatkan masa depan masing-masing.

Syabas buat pelajar yang mendapat keputusan yang cemerlang, dan bagi mereka yang gagal meraih keputusan cemerlang tidak harus kecewa kerana ia bukan penamat kepada cita-cita anda. Masih terlalu banyak ruang dan peluang di luar sana untuk anda memperbaiki diri. Semoga berjaya.